



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 9

28hb April 2005

*TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN*

Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Melaka pada 29 Mac 2005 dan 30 Mac 2005, adalah diisytiharkan untuk makluman umum:

No. Enakmen	Tajuk ringkas	Muka Surat
1	Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Melaka) 2005	1
2	Enakmen Perbadanan Hang Tuah Jaya 2005	29
3	Enakmen Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka 2005	91
4	Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005	157
5	Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005	195

The following Enactments passed by the Legislative Assembly, Malacca, on the 29 March 2005 and 30 March 2005, are published for general information:

Enactment No.	Short title	Page
1	Revision of Laws (State of Malacca) Enactment 2005	15
2	Hang Tuah Jaya Corporation Enactment 2005	61

Enactment No.	Short title	Page
3	Malacca River and Coastal Development Corporation Enactment 2005	125
4	Muslim Wills (State of Malacca) Enactment 2005	177
5	Wakaf (State of Malacca) Enactment 2005	221

ENAKMEN PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (NEGERI MELAKA) 2005

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.
2. Tafsiran.
3. Pelantikan Pesuruhjaya.
4. Pencetakan undang-undang yang disemak.
5. Kuasa Pesuruhjaya.
6. Cara menyusun suatu undang-undang yang disemak.
7. Penyiaran undang-undang yang disemak.
8. Siapnya penyemakan undang-undang sebelum tarikh berkuat kuasa Enakmen ini hendaklah diberitahu dalam *Warta*.
9. Kecualian bagi perundangan subsidiari yang sedia ada.
10. Penyemakan perundangan subsidiari.
11. Cetakan semula undang-undang.
12. Penerbitan jilid demi jilid.
13. Pengemaskinian cetakan semula.
14. Perwakilan kuasa.
15. Pembetulan kesilapan pada bentuk.
16. Tempat Enakmen ini dalam siri Undang-Undang Negeri Melaka.
17. Pemberhentian pemakaian seksyen 120 Akta Tafsiran 1948 dan 1967.

MELAKA

ENAKMEN No. 1 tahun 2005

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR
NEGERI,
Negeri
Melaka)

TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD. KHALIL BIN YAAKOB,
*Yang di-Pertua Negeri,
Negeri Melaka*

20 April 2005

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan untuk penyemakan dan cetakan semula undang-undang dan perundangan subsidiari.

[]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Penyemakan Undang-Undang (Negeri Melaka) 2005. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“cetakan semula” ertinya edisi cetakan semula mana-mana undang-undang, atau mana-mana jilid undang-undang sedemikian, yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3;

“enakmen” ertinya suatu undang-undang sebagaimana yang ditakrifkan di bawah ini atau mana-mana bahagian undang-undang itu;

“Pesuruhjaya” ertinya Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“undang-undang” ertinya mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu perkara yang Badan Perundangan Negeri Melaka ada kuasa untuk membuat undang-undang tetapi, kecuali dalam seksyen 11, 15 dan 16, tidaklah termasuk Enakmen ini;

“undang-undang yang disemak” ertinya edisi semakan mana-mana undang-undang yang disediakan dan diterbitkan menurut seksyen 3.

Pelantikan
Pesuruhjaya.

3. Pihak Berkuasa Negeri hendaklah melantik Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang dan Timbalan Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang untuk menyediakan dan menerbitkan undang-undang yang disemak dan cetakan semula sebagaimana yang difikirkan suai manfaat oleh Pesuruhjaya.

Pencetakan
undang-undang yang
disemak.

4. Suatu undang-undang yang disemak hendaklah dicetak oleh Pencetak Kerajaan, atau oleh mana-mana pencetak lain sebagaimana yang dilantik oleh Pesuruhjaya dalam sesuatu hal yang tertentu bagi maksud itu.

Kuasa
Pesuruhjaya.

5. (1) Pesuruhjaya adalah mempunyai kuasa yang berikut:

(i) meninggalkan daripada mana-mana undang-undang yang disemak—

(a) mana-mana enakmen pemansuhan, mana-mana peruntukan pemansuhan dalam mana-mana enakmen dan apa-apa susunan atau senarai enakmen yang telah dimansuhkan, sama ada terkandung dalam sesuatu jadual atau selainnya;

- (b) mana-mana peruntukan dalam mana-mana enakmen atau bahagian sesuatu peruntukan dalam mana-mana enakmen yang tidak lagi berkuat kuasa;
- (c) mana-mana mukadimah atau sebahagian daripada mukadimah dalam sesuatu undang-undang;
- (d) mana-mana kata permulaan bagi enakmen dalam mana-mana undang-undang atau peruntukannya;
- (e) mana-mana peruntukan yang menetapkan tarikh bila sesuatu undang-undang atau sebahagiannya akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh bila undang-undang itu atau bahagiannya mula berkuat kuasa adalah dimasukkan oleh Pesuruhjaya dalam kurungan segi selepas sahaja tajuk panjang undang-undang yang disemak itu;

- (f) mana-mana enakmen pindaan jika pindaan-pindaan yang terlibat olehnya itu dimasukkan oleh Pesuruhjaya dalam undang-undang yang berkenaan dengannya atau telah dimasukkan sedemikian dalam mana-mana cetakan semula yang dicetak menurut mana-mana undang-undang bertulis;
- (g) mana-mana ayat yang menjadikan undang-undang;
- (h) mana-mana bahagian undang-undang yang boleh lebih sesuai dimasukkan sebagai perundangan subsidiari;
- (i) mana-mana tafsiran mengenai apa-apa ungkapan yang ada ditakrifkan dalam istilah yang sama atau serupa dengan tafsiran istilah yang terpakai untuk tafsiran undang-undang itu selepas ia disemak;

- (j) mana-mana peruntukan yang merujuk kepada mana-mana perkara dan perkara itu ada diperuntukkan mengikut istilah yang sama atau yang serupa dalam undang-undang yang terpakai bagi tafsiran undang-undang itu selepas ia disemak:

Dengan syarat bahawa peruntukan yang berhubungan dengan pentafsiran undang-undang pemindaan yang terkandung dalam undang-undang terpakai untuk tafsiran undang-undang hendaklah terpakai bagi peninggalan itu seolah-olah peruntukan yang ditinggalkan itu telah dimansuhkan; dan

- (k) mengenai sesuatu undang-undang yang merujuk kepada perkara-perkara yang sebahagiannya dalam Senarai Negeri dan—

- (A) yang sebahagiannya dalam Senarai Bersama atau Senarai Persekutuan; atau

- (B) yang sebahagiannya dalam Senarai Bersama dan sebahagiannya dalam Senarai Persekutuan,

semua peruntukan kecuali peruntukan yang merujuk kepada perkara dalam Senarai Negeri:

Dengan syarat bahawa kuasa yang terkandung dalam perenggan ini tidak boleh dijalankan melainkan selepas meminta pendapat Peguam Negara;

- (ii) mengatur susunan undang-undang yang disemak dan memberi nombor bab, nombor siri atau nombor lain kepadanya;

- (iii) membuat apa-apa perubahan bentuk sebagaimana yang perlu atau suai manfaat kepada mana-mana undang-undang bagi maksud mendapatkan persamaan ungkapan atau bagi menyesuaikan undang-undang itu supaya selaras dengan peruntukan undang-undang yang terpakai bagi pentafsiran undang-undang itu selepas ia disemak;
- (iv) menerima pakai suatu bentuk piawaian yang sesuai dalam semua undang-undang yang disemak bagi—
 - (a) seksyen tafsiran;
 - (b) mana-mana seksyen penal;
 - (c) mana-mana seksyen yang memberi kuasa untuk membuat perundangan subsidiari;
- (v) menambah tajuk panjang atau tajuk ringkas kepada mana undang-undang yang menghendakinya, dan mengubah tajuk panjang atau tajuk ringkas mana-mana undang-undang;
- (vi) mengadakan atau mengubah susunan kandungan, susunan kronologi, rujukan dan nota:

Dengan syarat bahawa susunan kandungan, susunan kronologi, rujukan dan nota itu tidaklah menjadi sebahagian daripada undang-undang yang mengandungnya;
- (vii) menyatukan dalam satu undang-undang mana-mana dua undang-undang atau lebih atau bahagiannya yang *in pari materia* yang berhubungan dengan perkara yang Badan Perundangan Negeri berkuasa membuat undang-undang, dengan membuat apa-apa perubahan dan ubah suaian sebagaimana yang diperlukan dalam enakmen yang disatukan itu, dan menetapkan suatu tarikh yang difikirkan sesuai bagi permulaan kuat kuasa undang-undang itu;

- (viii) memecahkan mana-mana undang-undang kepada dua undang-undang atau lebih dan membuat apa-apa pindaan, termasuk memberi tajuk, atau mengubah tajuk yang sedia ada sebagaimana yang didapati perlu;
- (ix) menambahkan kepada atau meninggalkan daripada mana-mana undang-undang apa-apa peruntukan yang dikehendaki ditambahkan atau ditinggalkan, atau menggantikan apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang yang dikehendaki digantikan, disebabkan oleh apa-apa pindaan yang dibuat kepada undang-undang itu oleh mana-mana undang-undang lain atau oleh sesuatu pihak berkuasa mengikut kuasa yang diberikan oleh undang-undang;
- (x) memindahkan apa-apa peruntukan yang terkandung dalam sesuatu undang-undang daripada undang-undang itu kepada mana-mana undang-undang lain yang lebih sesuai bagi peruntukan itu, dengan membuat apa-apa perubahan yang didapati perlu;
- (xi) mengubah susunan peruntukan dalam mana-mana undang-undang, dan menomborkan semula peruntukan mana-mana undang-undang;
- (xii) mengubah bentuk atau susunan peruntukan mana-mana undang-undang dengan menukar tempat perkataan-perkataan, dengan mencantumkan kesemuanya atau sebahagiannya dengan suatu peruntukan lain atau dengan memecahkannya kepada dua peruntukan atau lebih;
- (xiii) memecahkan mana-mana undang-undang, sama ada yang disatukan atau tidak disatukan, kepada bahagian-bahagian atau penggal-penggal lain;
- (xiv) membetulkan kesilapan nahu, cetak dan kesilapan-kesilapan yang seumpamanya dan bagi maksud itu menambahkan, meninggalkan atau mengubah apa-apa perkataan dengan tidak menyentuh pengertian mana-mana undang-undang;

- (xv) mengubahkan, memasukkan atau meninggalkan tanda-tanda bacaan dalam mana-mana undang-undang;
- (xvi) membuat apa-apa perubahan bentuk tentang nama, tempat, jabatan, pejabat, nama jawatan dan selainnya sebagaimana yang perlu untuk menyesuaikan mana-mana undang-undang dengan hal keadaan Persekutuan atau Negeri Melaka pada tarikh bila undang-undang dalam bentuknya yang disemak itu mula berkuat kuasa;
- (xvii) membuat apa-apa penyesuaian atau pindaan dalam mana-mana undang-undang sebagaimana yang didapati perlu atau patut disebabkan oleh apa-apa perubahan tentang keanggotaan Persekutuan atau Negeri Melaka atau mana-mana bahagiannya;
- (xviii) membetulkan rujukan silang termasuk rujukan mengenai undang-undang bagi wilayah-wilayah lain;
- (xix) membetulkan rujukan mengenai undang-undang yang dimansuhkan dengan menggantikan rujukan itu dengan rujukan mengenai mana-mana undang-undang yang telah menggantikan undang-undang yang telah dimansuhkan, dan bagi maksud itu adalah diisytiharkan bahawa suatu undang-undang disifatkan digantikan oleh suatu undang-undang lain jika dinyatakan dengan nyatanya dalam undang-undang yang kemudian itu bahawa ia menggantikan undang-undang yang dimansuhkan itu, atau jika undang-undang yang kemudian itu memperbuat undang-undang semula sama ada dengan ubah suaian atau tidak, mana-mana peruntukan undang-undang yang dimansuhkan itu;
- (xx) mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks bahasa kebangsaan mana-mana undang-undang supaya selaras dengan istilah dan ejaan yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka;

- (xxi) memotong apa-apa perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan lain dalam mana-mana undang-undang yang tidak lagi digunakan atau tidak lagi berkuat kuasa, termasuk rujukan kepada undang-undang yang dimansuhkan, dan untuk menggantikannya, jika perlu, dengan perkataan, ungkapan, tatanama atau peruntukan yang sesuai atau rujukan kepada undang-undang yang sesuai;
- (xxii) meringkaskan atau memudahkan rangkai kata mana-mana undang-undang;
- (xxiii) memansuhkan atau meminda mana-mana enakmen oleh sebab penyediaan undang-undang yang disemak;
- (xxiv) menetapkan tarikh bila sesuatu undang-undang yang disemak itu akan mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa tarikh itu tidaklah boleh lebih awal dari tarikh bila undang-undang yang disemak itu disiarkan dalam *Warta*;
- (xxv) membuat segala perkara lain yang berhubungan dengan bentuk dan kaedah yang perlu untuk memperkemaskan suatu undang-undang yang disemak.

(2) Dalam subseksyen (1) “pindaan” termasuklah, jika ia digunakan berhubung dengan kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya, apa-apa perubahan mana-mana undang-undang yang perlu untuk melaksanakan mana-mana enakmen dalam mana-mana undang-undang lain supaya dengan demikian itu bidang, kuat kuasa atau pentafsiran mana-mana peruntukan undang-undang yang mula-mula disebut itu diubah, diubahsuai, diperluas, dihad, dipersyarat atau selainnya tersentuh.

(3) Kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh subseksyen (1) tidaklah boleh diertikan sebagai dia berkuasa untuk membuat apa-apa pengubahan atau pindaan tentang isi mana-mana undang-undang.

6. Suatu undang-undang yang disemak hendaklah disusun mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang difikirkan suai manfaat oleh Pesuruhjaya dan hendaklah mengandungi—

Cara menyusun suatu undang-undang yang disemak.

(i) di muka hadapannya—

(a) ungkapan “Undang-Undang Negeri Melaka”;

(b) tajuk ringkas dan nombor undang-undang yang disemak itu;

(c) tarikh yang sehinggalah undang-undang itu disemak; dan

(d) tarikh yang ditetapkan di bawah subperenggan 5(1)(xxiv) bila undang-undang yang disemak itu akan mula berkuat kuasa;

(ii) suatu senarai undang-undang yang telah meminda undang-undang itu sehingga tarikh penyemakannya dengan menunjukkan tarikh-tarikh bila pindaan-pindaan itu mula berkuat kuasa;

(iii) suatu senarai undang-undang atau bahagiannya yang digantikan atau dimansuhkan oleh undang-undang yang disemak itu.

7. (1) Suatu undang-undang yang disemak hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah berkuat kuasa mulai dari tarikh yang disebut dalam subperenggan 6(i)(d).

Penyiaran undang-undang yang disemak.

(2) Pada dan selepas dari tarikh sesuatu undang-undang yang disemak mula berkuat kuasa, undang-undang yang disemak itu hendaklah disifatkan sebagai dan hendaklah menjadi, dengan tidak dipersoalkan apa-apa jua pun dalam semua mahkamah dan bagi segala maksud, undang-undang yang tunggal dan yang sepatutnya bagi perkara-perkara yang termasuk dalamnya dan yang berkuat kuasa pada tarikh itu.

Siapnya
penyemakan
undang-
undang
sebelum
tarikh
berkuat kuasa
Enakmen ini
hendaklah
diberitahu
dalam *Warta*.

8. Dengan seberapa segera yang boleh, Pesuruhjaya hendaklah, melalui pemberitahuan yang akan disiarkan dalam *Warta*, memperakui bahawa penyemakan semua undang-undang yang diperbuat sebelum tarikh berkuat kuasa Enakmen ini (kecuali undang-undang yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu), yang belum dimansuhkan pada tarikh pemberitahuan itu, telah siap dan dengan yang demikian mana-mana undang-undang yang belum disemak di bawah Enakmen ini dan yang belum dinyatakan dalam pemberitahuan itu hendaklah disifatkan telah dimansuhkan mulai dari tarikh pemberitahuan itu disiarkan.

Kecualian
bagi
perundangan
subsidiari
yang sedia
ada.

9. Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang dan yang berkuat kuasa pada tarikh bila undang-undang yang disemak itu mula berkuat kuasa hendaklah terus berkuat kuasa sehingga diperuntukkan selainnya; dan rujukan dalam mana-mana perundangan subsidiari itu kepada undang-undang yang di bawahnya perundangan subsidiari itu telah dibuat, atau kepada mana-mana bahagiannya, atau kepada mana-mana undang-undang lain yang disemak hendaklah diertikan sebagai rujukan kepada undang-undang yang disemak itu atau kepada undang-undang lain yang telah disemak itu.

Penyemakan
perundangan
subsidiari.

10. (1) Maka hendaklah disediakan, dengan seberapa segera yang boleh, sebagai tambahan kepada setiap undang-undang yang disemak, suatu cetakan perundangan subsidiari yang disemak di bawah undang-undang yang disemak itu sebagaimana yang didapati oleh Pesuruhjaya cukup mustahak untuk dimasukkan dalamnya.

(2) Peruntukan Enakmen ini yang berhubungan dengan menyediakan dan menyiarkan suatu undang-undang yang disemak hendaklah terpakai dengan apa-apa ubah suaian yang perlu bagi menyediakan dan menyiarkan perundangan subsidiari yang disemak.

Cetakan
semula
undang-
undang.

11. (1) Pencetak Kerajaan atau mana-mana pencetak lain sebagaimana yang dilantik oleh Pesuruhjaya dalam mana-mana hal yang tertentu bagi maksud itu boleh, dengan kuasa Pesuruhjaya, membuat cetakan semula bagi mana-

mana undang-undang, sama ada yang telah disemak atau tidak, yang mengandungi—

- (a) pindaan yang dibuat oleh mana-mana undang-undang; dan
- (b) pindaan yang dibuat oleh Pesuruhjaya di bawah kuasa-kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen (2),

dan mana-mana naskhah cetakan semula itu yang berupa sebagai dicetak mengikut seksyen ini hendaklah disifatkan, sehingga akasnya dibuktikan, sebagai naskhah yang sah bagi undang-undang itu sebagaimana yang berkuat kuasa, kecuali setakat yang dinyatakan dalam naskhah itu, pada tarikh yang dinyatakan sedemikian.

(2) Dalam menyediakan sesuatu cetakan semula Pesuruhjaya mempunyai kuasa yang terkandung dalam subperenggan 5(1)(vi), (ix), (xiv), (xv), (xvi), (xvii), (xviii), (xix), (xx) dan (xxi).

12. (1) Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya suai manfaat, membenarkan cetakan semula disediakan dan diterbitkan jilid demi jilid, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suai manfaat.

Penerbitan
jilid demi
jilid.

(2) Mana-mana jilid sesuatu cetakan semula boleh mengandungi apa-apa susunan, lampiran dan perkara tambahan yang lain, termasuklah suatu indeks, sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya.

13. Pesuruhjaya boleh, jika difikirkannya suai manfaat, membenarkan penyediaan dan penerbitan laporan pengemaskinian yang mengandungi pindaan terkini kepada sesuatu cetakan semula, mengikut apa-apa susunan dan pada bila-bila masa yang difikirkannya suai manfaat.

Pengemas-
kinian
cetakan
semula.

14. Pesuruhjaya boleh mewakilkan mana-mana kuasanya di bawah subseksyen 11(2), seksyen 12 dan 13 kepada Timbalan Pesuruhjaya.

Pewakilan
kuasa.

Pembetulan
pada
kesilapan
bentuk.

15. (1) Pesuruhjaya boleh dengan perintah yang disiarkan melalui *Warta*, membetulkan sesuatu kesilapan mengenai tulisan, cetakan atau kesilapan lain dalam mana-mana undang-undang:

Dengan syarat bahawa pembetulan itu hendaklah tidak berlawanan dengan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya oleh seksyen 5, 10 dan 11.

(2) Sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai kuat kuasa undang-undang mulai dari tarikh yang dirujuk dalam subperenggan 6(i)(d) atau subseksyen 11(1) mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tempat
Enakmen ini
dalam siri
Undang-
Undang
Negeri
Melaka.

16. Enakmen ini hendaklah menjadi Enakmen pertama dalam siri “Undang-Undang Negeri Melaka” dan hendaklah dinomborkan Enakmen 1.

Pemberhentian
pemakaian
seksyen 120
Akta Tafsiran
1948 dan
1967.

17. Seksyen 120 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*] hendaklah terhenti terpakai selepas mula berkuatkuasanya Enakmen ini.

Diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 30 Mac 2005.

[PUN(M)353/46/78]

MOHD ZIN BIN MANSOR,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Melaka

REVISION OF LAWS (STATE OF MALACCA)
ENACTMENT 2005

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.
3. Appointment of Commissioner.
4. Printing of revised laws.
5. Powers of the Commissioner.
6. Method of compiling a revised law.
7. Publication of revised law.
8. Completion of revision of laws enacted before the date of commencement of this Enactment shall be notified in *Gazette*.
9. Saving of existing subsidiary legislation.
10. Revision of subsidiary legislation.
11. Reprint of laws.
12. Publication volume by volume.
13. Updating of reprints.
14. Delegation of powers.
15. Rectification of formal errors.
16. Place of this Enactment in the Laws of the State of Malacca Series.
17. Ceasation of application of section 120 of Interpretation Act 1948 and 1967.

MALACCA

ENACTMENT No. 1 of 2005

I ASSENT,

(STATE
SEAL,
State of
Malacca)

TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD. KHALIL BIN YAAKOB,
Yang di-Pertua Negeri,
State of Malacca

20 April 2005

An Enactment to provide for the revision and reprinting
of laws and subsidiary legislation.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the
State of Malacca as follows:

1. (1) This Enactment may be cited as the Revision of Laws (State of Malacca) Enactment 2005.

Short title
and
commence-
ment.

(2) This Enactment shall come into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

Interpretation.

“reprint” means the reprint edition of any law, or any volume of such laws, prepared and published pursuant to section 3;

“enactment” means a law as hereinafter defined or any part of such law;

“Commissioner” means the Commissioner of Law Revision appointed under section 3;

“law” means any written law relating to a matter with respect to which the State Legislature of Malacca has power to make laws but except in sections 11, 15 and 16, does not include this Enactment;

“revised law” means the revised edition of any law prepared and published pursuant to section 3.

Appointment
of
Commissioner.

3. The State Authority shall appoint a Commissioner of Law Revision and a Deputy Commissioner of Law Revision to prepare and publish revised laws and reprints as the Commissioner deems it expedient.

Printing of
revised laws.

4. A revised law shall be printed by the Government Printer, or by such other printer as the Commissioner may in any particular case appoint for the purpose.

Powers of
the
Commissioner.

5. (1) The Commissioner shall have the following powers:

(i) to omit from any revised law—

- (a) any repealing enactment, any repealing provision contained in any enactment and any table or list of repealed enactments, whether contained in a schedule or otherwise;
- (b) any provision in any enactment, or part thereof which has ceased to have effect;
- (c) any preamble or part of a preamble to a law;
- (d) any introductory words of enactment in any laws or provision thereof;

- (e) any provision prescribing the date when a law or part of it is to come into force or operation:

Provided that the date on which the law or part thereof came into force or operation is inserted by the Commissioner in square brackets immediately following the long title of the revised law;

- (f) any amending enactment where the amendments affected thereby are embodied by the Commissioner in the law to which they relate or have been so embodied in any reprint printed in pursuance of any written law;
- (g) any enacting clause;
- (h) any part of a law which can more conveniently be included as subsidiary legislation;
- (i) any interpretation of any expression which is defined in identical or similar terms to those used in the definition of that term contained in the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised;
- (j) any provision referring to any matter for which provision is made in identical or similar terms in the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised:

Provided that the provisions relating to the construction of amending laws contained in the law applicable for the interpretation of laws shall apply to such omissions in the same way as if the provision omitted has been repealed; and

(k) in the case of a law which refers to matters partly in the State List and—

(A) partly in the Concurrent or Federal List; or

(B) partly in the Concurrent List and partly in the Federal List,

all provisions other than those which refer to matters in the State List:

Provided that the powers contained in this paragraph shall not be exercised except after consultation with the Attorney General;

(ii) to arrange the sequence of revised laws and to give chapter, serial or other numbers thereto;

(iii) to make such formal alterations to any law as are necessary or expedient for the purpose of securing uniformity of expressions or to bring the law into conformity with the provisions of the law applicable for the interpretation of the law after it has been revised;

(iv) to adopt a convenient standard form in all revised laws for—

(a) the interpretation section;

(b) any penal section;

(c) any section giving power to make subsidiary legislation;

(v) to add a long title or a short title to any law which may require it, and to alter the long title or short title of any law;

- (vi) to supply or alter tables of contents, chronological tables, references and notes:

Provided that such tables of contents, chronological tables, references and notes shall not form any part of the law in which they appear;

- (vii) to consolidate into one law any two or more laws or part thereof *in pari materia* relating to matters with respect to which the State Legislature has power to make laws, making such alterations and modifications as are thereby rendered necessary in the consolidated enactment, and appointing such date for the coming into force thereof as may seem most convenient;
- (viii) to divide any law into two or more laws and to make such amendments, including the supplying of titles, or the alteration of existing titles, as are thereby rendered necessary;
- (ix) to add to or omit from any law any provision required to be added or omitted, or to substitute for any provision of any law any provision required to be substituted, in consequence of any amendment made to that law by any other law or by any authority under powers conferred by law;
- (x) to transfer any provision contained in a law from that law to any other law to which that provision more properly belongs, making any alterations thereby rendered necessary;
- (xi) to alter the order of the provisions in any law, and to re-number the provisions of any law;
- (xii) to alter the form or arrangement of any provision of any law by transposing words, by combining it in whole or in part with another provision or other provisions or by dividing it into two or more provisions;

- (xiii) to divide any law, whether consolidated or not, into parts or other divisions;
- (xiv) to correct grammatical, typographical and similar mistakes and for that purpose to make verbal additions, omissions or alterations not affecting the meaning of any law;
- (xv) to alter, insert or omit punctuation marks in any law;
- (xvi) to make such formal alterations as to names, localities, departments, offices, titles and otherwise as may be necessary to bring any law into conformity with the circumstances of the Federation or the State of Malacca on the date on which the law in its revised form is to come into force;
- (xvii) to make such adaptations or amendments in any law as may appear to be necessary or proper as a consequence of any change in the constitution of the Federation or the State of Malacca or any part thereof;
- (xviii) to correct cross-references including references to the laws of other territories;
- (xix) to correct references to repealed laws by substituting for such references, references to any laws by which the repealed laws have been replaced, for which purpose it is declared that a law is deemed to be replaced by another law where it is expressly stated in the subsequent law that it replaces the repealed law, or where the subsequent law re-enacts with or without modification any provisions of a repealed law;
- (xx) to update the terminology and spelling in the national language text of any law so that they are consistent with the terminology and spelling approved by the Dewan Bahasa dan Pustaka;

- (xxi) to delete any word, expression, nomenclature or other provision in any law which has become obsolete or has ceased to have effect, including references to repealed laws, and to substitute therefor, where necessary, the appropriate word, expression, nomenclature or provision or references to the appropriate laws;
- (xxii) to shorten or simplify the phraseology of any law;
- (xxiii) to repeal or amend any enactment in consequence of the preparation of a revised law;
- (xxiv) to appoint the date on which a revised law shall come into force:

Provided that such date shall not be earlier than the date on which the revised law is published in the *Gazette*;
- (xxv) to do all other things relating to the form and method which may be necessary for the perfecting of a revised law.

(2) In subsection (1) “amendment” includes, where it is used in relation to the powers conferred upon the Commissioner, any variation of any law which is necessary for giving effect to any enactment in any other law whereby the scope, effect or construction of any provision of the first mentioned law is varied, modified, enlarged, restricted, qualified or otherwise affected.

(3) The powers conferred on the Commissioner by subsection (1) shall not be taken to imply any power in him to make any alteration or amendment in the substance of any law.

6. A revised law shall be made up in such form as the Commissioner deems expedient and shall contain—

Method of compiling a revised law.

(i) on the front page thereof—

(a) the expression “Laws of the State of Malacca”;

- (b) the short title and number of the revised law;
 - (c) the date up to which it has been revised; and
 - (d) the date appointed under subparagraph 5(1)(xxiv) on which the revised law is to come into force;
- (ii) a list of the laws by which the law has been amended up to the date of its revision showing the dates on which the amendments came into force;
- (iii) a list of the laws or parts thereof which the revised law supersedes or repeals.

Publication
of revised
law.

7. (1) A revised law shall be published in the *Gazette* and shall come into force as from the date referred to in subparagraph 6(i)(d).

(2) On and after the date from which a revised law comes into force, such revised law shall be deemed to be and shall be without any question whatsoever in all courts and for all purposes whatsoever the sole and only proper law in respect of matters included in it and in force on that date.

Completion
of revision
of laws
enacted
before the
date of
commencement
of this
Enactment
shall be
notified in
Gazette.

8. As soon as may be, the Commissioner shall, by notification to be published in the *Gazette*, certify that the revision of all laws enacted before the date of commencement of this Enactment (except for such laws as may be specified in the notification), which have not been repealed at the date of the notification, has been completed, and thereupon any such law which has not been revised under this Enactment and which has not been specified in the notification shall be deemed to have been repealed as from the date of publication of the notification.

9. Subsidiary legislation made under any law and in force on the date on which that law as revised comes into force shall continue in force until otherwise provided; and references in any such subsidiary legislation to the law under which it was made, or to any part thereof, or to any other revised law shall be construed as references to the revised law or to that other law as revised.

Saving of existing subsidiary legislation.

10. (1) There shall be prepared, as soon as may be convenient, as supplementary to each revised law, a revised edition of such subsidiary legislation under such revised law as appears to the Commissioner to be of sufficient importance to be included in it.

Revision of subsidiary legislation.

(2) The provisions of this Enactment relating to the preparation and publication of a revised law shall apply with any necessary modifications to the preparation and publication of revised subsidiary legislation.

11. (1) The Government Printer or such other printer as the Commissioner may in any particular case appoint for the purpose may, with the authority of the Commissioner, make a reprint of any law, whether revised or not, containing—

Reprint of laws.

(a) amendments effected by any law; and

(b) amendments made by the Commissioner under the powers conferred upon him by subsection (2),

and any copy of a reprint purporting to be printed in accordance with this section shall be deemed, until the contrary is shown, to be the authentic text of the law as in force, except in so far as may be specified in the copy, on such date as may be so specified.

(2) In preparing a reprint the Commissioner shall have the powers contained in subparagraphs 5(1)(vi), (ix), (xiv), (xv), (xvi), (xvii), (xviii), (xix), (xx) and (xxi).

Publication
volume by
volume.

12. (1) The Commissioner may, if he considers it expedient, authorize a reprint to be prepared and published volume by volume, in any sequence and at such times as he deems expedient.

(2) Any volume of a reprint may contain such tables, appendices and other supplementary matter, including an index, as the Commissioner may consider necessary.

Updating of
reprints.

13. The Commissioner may, if he considers it expedient, authorize the preparation and publication of updates incorporating the latest amendments to a reprint, in any sequence and at such times as he deems expedient.

Delegation of
powers.

14. The Commissioner may delegate any of his powers under subsection 11(2), sections 12 and 13 to the Deputy Commissioner.

Rectification
of formal
errors.

15. (1) The Commissioner may by order published in the *Gazette*, rectify any clerical, printing or other error in any law:

Provided that no such rectification shall be inconsistent with the powers conferred upon the Commissioner by sections 5, 10 and 11.

(2) An order made under subsection (1) shall have the force of law with effect from the date referred to in subparagraph 6(i)(d) or subsection 11(1) as the case may be.

Place of this
Enactment in
the Laws of
the State of
Malacca
Series.

16. This enactment shall form the first Enactment of the “Laws of the State of Malacca” series and shall be numbered as Enactment 1.

17. Section 120 of the Interpretation Act 1948 and 1967 [Act 388] shall cease to have any application after the coming into force of this Enactment.

Ceasation of application of section 120 of Interpretation Act 1948 and 1967.

Passed in the State Legislative Assembly on
30 March 2005.

[PUN(M)353/46/78]

MOHD ZIN BIN MANSOR,
Clerk of Legislative Assembly,
Malacca

ENAKMEN PERBADANAN HANG TUAH JAYA 2005

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II PENUBUHAN PERBADANAN

3. Penubuhan Perbadanan Hang Tuah Jaya.
4. Keanggotaan Perbadanan.

BAHAGIAN III FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

5. Fungsi dan kuasa perbadanan.
6. Kuasa untuk meminjam.
7. Kuasa untuk memberi pinjaman.
8. Kuasa untuk menubuhkan syarikat.
9. Kuasa untuk melantik jawatankuasa.
10. Kuasa Perbadanan untuk mewakili.
11. Kuasa Pengerusi untuk mewakili.

BAHAGIAN IV KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN PEGAWAI PERBADANAN

12. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif.
13. Tugas-Tugas Ketua Pegawai Eksekutif.
14. Pelantikan pegawai dan pekhidmat Perbadanan.
15. Tatatertib pegawai dan pekhidmat Perbadanan.
16. Lembaga Rayuan Tatatertib.
17. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
18. Penjawat Awam.
19. Peraturan-peraturan berkenaan dengan penggajian.
20. Pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Negeri Melaka) 2001.

Seksyen

21. Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan, dsb.
22. Kuasa untuk mengambil kerja ejen.
23. Pengambilan tanah.

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG PERBADANAN

24. Penubuhan Kumpulan Wang.
25. Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.
26. Pengimbangan akaun hasil.
27. Pendepositan dan pelaburan Kumpulan Wang.
28. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
29. Akaun dan audit.
30. Surcaj.
31. Akaun bank.

BAHAGIAN VI

AM

32. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membuat peraturan-peraturan.
33. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.
34. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberikan arahan.
35. Salah menggunakan maklumat.
36. Penyampaian.
37. Kesalahan oleh Perbadanan.
38. Indemniti dan perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang.
39. Hak akses.

BAHAGIAN VII

PENGKULUNGAN DAN PEMBUBARAN

40. Pengkulangan dan pembubaran Perbadanan.

JADUAL

MELAKA

ENAKMEN No. 2 tahun 2005

SAYA PERKENANKAN,

(MOHOR
NEGERI,
Negeri
Melaka)

TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD. KHALIL BIN YAAKOB,
*Yang di-Pertua Negeri,
Negeri Melaka*

20 April 2005

Suatu Enakmen bagi menubuhkan Perbadanan Hang Tuah
Jaya dan bagi membuat peruntukan dengan perkara-perkara
yang berkaitan dan yang bersampingan dengannya.

[]

ADALAH DENGAN INI DIKANUNKAN oleh Pihak
Berkuasa Perundangan Negeri Melaka seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Hang Tuah Jaya 2005.

Tajuk ringkas,
dan mula
berkuat
kuasa.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada
tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui
pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya ahli yang dilantik di bawah subseksyen 4(1);

“Enakmen” ertinya Enakmen Perbadanan Hang Tuah Jaya 2005;

“Kawasan Perbadanan” ertinya kawasan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri menurut subseksyen 3(3);

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Negeri Melaka;

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perbadanan Hang Tuah Jaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 24;

“Ketua Pegawai Eksekutif” ertinya Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 12;

“Menteri” ertinya Perdana Menteri atau mana-mana Menteri sebagaimana yang ditetapkan olehnya;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(a);

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Hang Tuah Jaya;

“Pihak Berkuasa Negeri” ertinya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka;

“syarikat” ertinya mana-mana syarikat yang telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965.

BAHAGIAN II

PENUBUHAN PERBADANAN

Penubuhan
Perbadanan
Hang Tuah
Jaya.

3. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama “Perbadanan Hang Tuah Jaya” yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai dan boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya dan tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, boleh membuat kontrak-kontrak dan boleh

memperoleh, membeli, mengambil, memegang, menjual dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahkan semula, memindahkan hakmilik atau selainnya melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai, apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Perbadanan atas apa-apa terma yang difikirkannya patut.

(2) Objektif Perbadanan adalah untuk mentadbir dan mengurus pembangunan Kawasan Perbadanan Hang Tuah Jaya bagi pihak Kerajaan Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menentukan kawasan Perbadanan.

4. (1) Perbadanan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut: Keanggotaan Perbadanan.

- (a) Seorang Pengerusi dan ianya hendaklah orang yang pada masa itu memegang jawatan Ketua Menteri Melaka atau mana-mana orang yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (b) Seorang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (c) tiga orang ahli *ex-officio* iaitu orang-orang yang pada masa ini menyandang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri;
- (d) tiga orang wakil Kerajaan Persekutuan yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
- (e) tiga orang ahli lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (f) Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan sebagai Setiausaha.

(2) Jika Pengerusi tidak ada buat sementara atau tidak berupaya buat sementara oleh sebab sakit atau apa-apa sebab lain yang cukup untuk melaksanakan fungsi dan kewajibannya, Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi dan kewajipan dalam masa dia tidak ada atau tidak berupaya buat sementara itu, dan Timbalan Pengerusi hendaklah, dalam tempoh dia melaksanakan fungsi dan kewajipan Pengerusi di bawah subseksyen itu, disifatkan sebagai Pengerusi.

(3) Peruntukan-peruntukan dalam Jadual hendaklah terpakai bagi maksud Perbadanan dan anggota-anggotanya.

BAHAGIAN III

FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

Fungsi dan
kuasa
Perbadanan.

5. (1) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, Perbadanan hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial di dalam Kawasan Perbadanan;
- (b) memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan komersil, perindustrian, infrastruktur serta juga pembangunan tempat tinggal dalam Kawasan Perbadanan; dan
- (c) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebut dalam perenggan (a) dan (b) di dalam Kawasan Perbadanan.

(2) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya dan, khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) menjalankan segala aktiviti, khususnya aktiviti-aktiviti yang bersifat industri and komersil yang penjalanannya didapati oleh Perbadanan adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya;

- (b) mendayausahakan kajian-kajian permulaan mengenai kawasan-kawasan pembangunan dan pembangunan semula yang mungkin dan membuat rancangan-rancangan permulaan yang menggariskan aktiviti-aktiviti pembangunan atau pembangunan semula dan tinjauan-tinjauan permulaan untuk menentukan sama ada pengusahaan dan penjalanan projek pembangunan atau pembangunan semula boleh dilaksanakan;
- (c) bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen atau ejen pengurus bagi, atau selainnya bertindak bersama dengan atau bagi pihak Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, mana-mana badan atau orang lain;
- (d) memajukan dan menyelaraskan penjalanan apa-apa aktiviti oleh Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak berkuasa awam, mana-mana syarikat atau perbadanan, mana-mana badan atau orang lain;
- (e) menerima pakai dan melaksanakan dasar-dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (f) menjaga kepentingan Negeri di dalam hal pembangunan pengurusan Kawasan Perbadanan;
- (g) memperolehi dengan cara pembelian, pemberian atau dengan apa cara jua harta alih dan harta tak alih dan apa-apa kepentingan di dalamnya, dan dengan persetujuan secara bertulis terlebih dahulu daripada Menteri Kewangan, melepaskan atau dengan cara lain memperniagakan mana-mana harta itu atau mana-mana kepentingan di dalamnya yang diperolehi sedemikian itu oleh Perbadanan;
- (h) mendirikan apa-apa bangunan di atas mana-mana harta tak alih kepunyaan Perbadanan dan menyusun menurut rancangan dan menyediakan harta itu untuk menjalankan fungsi-fungsi Perbadanan atau lain-lain kemudahan dan kesenangan yang bersangkutan dengannya yang difikirkan patut oleh Perbadanan;

- (i) menjalankan perniagaan berlesen;
- (j) dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, boleh menggunakan atau membenarkan supaya digunakan harta Perbadanan bagi maksud-maksud selain daripada yang tersebut di atas yang ditetapkan olehnya; dan
- (k) melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut bagi membolehkannya menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya dengan berkesan.

Kuasa untuk meminjam.

6. Perbadanan boleh dari semasa ke semasa meminjam atas apa-apa faedah dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dengan persetujuan secara bertulis terlebih dahulu diperolehi oleh Menteri Kewangan, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Perbadanan bagi menjelaskan mana-mana obligasi-obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana fungsinya atau bagi menjalankan mana-mana kuasanya.

Kuasa untuk memberi pinjaman.

7. Pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya, Perbadanan boleh memberikan pinjaman bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan dengan persetujuan secara bertulis terlebih dahulu diperolehi oleh Menteri Kewangan dan pinjaman sedemikian boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Perbadanan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, patut dikenakan dalam hal-hal tertentu.

Kuasa untuk menubuhkan syarikat.

8. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dan dengan persetujuan secara bertulis terlebih dahulu diperolehi oleh Menteri Kewangan, menubuhkan syarikat-syarikat dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Perbadanan untuk menjalankan dan untuk menjaga, mengelolakan dan menguruskan bagi pihak Perbadanan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang ditentukan oleh Perbadanan pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya.

9. (1) Perbadanan boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa fungsi dan kuasanya; mana-mana jawatankuasa yang dilantik itu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya seorang anggota Perbadanan dan bolehlah dilantik ke jawatankuasa itu mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

Kuasa untuk melantik jawatankuasa.

(2) Jawatankuasa yang dilantik itu hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri.

(3) Mana-mana jawatankuasa yang dilantik itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa dan Perbadanan boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan mana-mana jawatankuasa yang dilantik demikian.

(4) Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khusus untuk kebajikannya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa dan orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi dalam mana-mana mesyuarat berkenaan.

(5) Jawatankuasa hendaklah melaporkan syor-syornya kepada Perbadanan.

10. (1) Perbadanan boleh, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat, had atau sekatan, sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, mewakili kepada mana-mana jawatankuasa atau kepada Pengerusi, atau Ketua Pegawai Eksekutif atau kepada mana-mana orang lain, kuasa dan wibawa untuk menjalankan atau melaksanakan bagi pihaknya kuasa-kuasa atau fungsi-fungsi yang diletakhakkan pada atau dipertanggungkan atas Perbadanan di bawah Enakmen ini sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, kecuali kuasa untuk meminjam wang atau membuat peraturan-peraturan; dan apa-apa kuasa atau fungsi yang diwakilkan sedemikian boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh jawatankuasa berkenaan, atau Pengerusi, atau Ketua Pegawai Eksekutif, atau mana-mana orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, di atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen (1) dan peruntukan-peruntukan lain Enakmen ini, Perbadanan boleh mewakilkan sama ada kepada Pengerusi atau kepada Ketua Pegawai Eksekutif kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang diletakhakan yang pada atau yang di bawah kawalan Perbadanan sehingga had yang dinyatakan oleh Perbadanan.

Kuasa
Pengerusi
untuk
mewakilkan.

11. (1) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan yang dibuat dibawahnya, Pengerusi boleh mewakilkan secara bertulis kepada mana-mana anggota Perbadanan atau kepada Ketua Pegawai Eksekutif kuasa dan wibawa untuk menjalankan bagi pihaknya tugas-tugas, kuasa-kuasa atau fungsi-fungsinya sebagaimana yang ditetapkannya.

(2) Pengerusi boleh pada masa mewakilkan mana-mana kuasa atau wibawa di bawah subseksyen (1) atau pada bila-bila masa selepas itu memberi arahan-arahan berkenaan dengan cara bagaimana kuasa atau wibawa itu hendak dijalankan dan boleh pada bila-bila masa membatalkan atau mengubahsuai perwakilan itu.

BAHAGIAN IV

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN PEGAWAI PERBADANAN

Pelantikan
Ketua
Pegawai
Eksekutif.

12. (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan dan meletakhakkan padanya apa-apa tugas sebagaimana yang ditentukan atau diwakilkan kepadanya oleh Perbadanan.

(2) Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

13. (1) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggung-jawab untuk—

Tugas-tugas
Ketua
Pegawai
Eksekutif.

- (a) penyediaan segala program, dasar dan projek untuk pertimbangan Perbadanan;
- (b) pelaksanaan segala program, dasar dan projek Perbadanan;
- (c) sentiasa memaklumkan kepada Perbadanan dengan sepenuhnya akan kemajuan program, skim dan projeknya;
- (d) mengeluarkan panduan polisi atau menjelaskan keputusan-keputusan Perbadanan kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Perbadanan;
- (e) pelaksanaan keputusan-keputusan Perbadanan dan arahan-arahan Pengerusi;
- (f) penyeliaan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan-keputusan Perbadanan;
- (g) perancangan segala aktiviti yang berkaitan dengan fungsi Perbadanan;
- (h) penyelenggaraan bangunan dan lain-lain struktur atau harta kepunyaan Perbadanan; dan
- (i) pentadbiran dan pengurusan yang teratur, fungsi-fungsi dan hal-ehwal Perbadanan mengikut polisi yang ditetapkan oleh Perbadanan.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am ke atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat lain Perbadanan.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa tugas tambahan sebagaimana yang diarahkan oleh Perbadanan dari masa ke semasa.

(4) Sekiranya Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup, untuk melaksanakan tugas-tugasnya,

Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengarahkan mana-mana pegawai lain melaksanakan tugas-tugas Ketua Pegawai Eksekutif semasa Ketua Pegawai Eksekutif tidak ada atau tidak berupaya buat sementara.

Pelantikan
pegawai dan
pekhidmat
Perbadanan.

14. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan seksyen 13, Perbadanan boleh melantik dari semasa ke semasa, atas apa-apa terma dan syarat, seorang Setiausaha dan sekian bilangan pegawai dan pekhidmat lain sebagaimana yang difikirkannya wajar dan perlu bagi menjalankan maksud-maksud Enakmen ini.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Perbadanan tidak boleh menubuhkan atau mengubahsuai apa-apa jawatan atau skim perkhidmatan untuk pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat Perbadanan, termasuk terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dan gaji, tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Tatatertib
pegawai dan
pekhidmat
Perbadanan.

15. (1) Maka hendaklah ada suatu Lembaga Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada—

(a) dua orang anggota yang akan dipilih oleh dan daripada anggota-anggota Perbadanan, yang seorang daripada mereka hendaklah dilantik sebagai Pengerusi; dan

(b) Ketua Pegawai Eksekutif.

(2) Pihak Berkuasa Tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai dan pekhidmat Perbadanan, selain daripada Ketua Pegawai Eksekutif, ialah Lembaga Tatatertib Perbadanan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(3) Lembaga Tatatertib berkenaan dengan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dipilih oleh dan daripada anggota-anggota Perbadanan, yang seorang daripadanya hendaklah dilantik sebagai Pengerusi; dengan syarat bahawa jika Ketua Pegawai Eksekutif adalah seorang pegawai dalam perkhidmatan awam am Persekutuan, dia hendaklah tertakluk kepada Lembaga Tatatertib Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang berkenaan.

(4) Ketua Pegawai Eksekutif tidak boleh menjadi anggota Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (6) dalam apa-apa prosiding di hadapan Perbadanan atau Jawatankuasa itu yang dia menjadi pengadu; tempatnya hendaklah diambil oleh seorang anggota yang akan dipilih oleh dan daripada anggota-anggota Perbadanan.

(5) Pada menjalankan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa tatatertibnya, Lembaga Tatatertib hendaklah mempunyai kuasa untuk mengenakan apa-apa hukuman tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang boleh dibuat di bawah seksyen 32.

(6) Lembaga Tatatertib boleh, tertakluk kepada subseksyen (7), mewakili mana-mana fungsi dan kuasa tatatertibnya kepada mana-mana jawatankuasa pegawai atau pekhidmat Perbadanan yang dikenali sebagai jawatankuasa Tatatertib, berkenaan dengan mana-mana pegawai atau pekhidmat tertentu Perbadanan atau berkenaan dengan mana-mana golongan atau kategori pegawai atau pekhidmat Perbadanan, dan Jawatankuasa Tatatertib yang diwakili dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa sedemikian hendaklah boleh melaksanakan, menjalankan atau menunaikannya di bawah arahan dan kawalan Lembaga Tatatertib yang hendaklah mempunyai kuasa untuk mengkaji semula, membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan atau dapatan jawatankuasa itu.

(7) Tiada perwakilan boleh dibuat di bawah subseksyen (6) untuk membolehkan seseorang pegawai atau pekhidmat Perbadanan menjadi anggota mana-mana Jawatankuasa Tatatertib yang boleh menjalankan apa-apa kuasa tatatertib ke atas seseorang pegawai atau pekhidmat yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

16. (1) Maka hendaklah ada suatu Lembaga Rayuan Tatatertib Perbadanan yang hendaklah terdiri daripada— Lembaga
Rayuan
Tatatertib.

- (a) Pengerusi Perbadanan sebagai Pengerusi;
- (b) Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- (c) Penasihat Undang-Undang Negeri.

(2) Mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib atau mana-mana Jawatankuasa Tatatertib yang diwakilkan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa di bawah seksyen 15 boleh, dalam masa empat belas hari, merayu secara bertulis terhadap keputusan itu kepada Lembaga Rayuan Tatatertib yang boleh sesudah itu mengesahkan, mengakaskan atau memberi apa-apa arahan mengenai perkara itu sebagaimana yang difikirkannya patut dan wajar.

(3) Apabila Lembaga Rayuan Tatatertib mempertimbangkan apa-apa rayuan di bawah subseksyen (2), tiada anggota Lembaga Tatatertib atau Jawatankuasa Tatatertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat, boleh menghadiri apa-apa prosiding berhubungan dengan rayuan itu.

(4) Keputusan Lembaga Rayuan Tatatertib mengenai rayuan itu adalah muktamad dan konklusif.

Akta
Perlindungan
Pihak
Berkuasa
Awam 1948.

17. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198] adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau pembicaraan terhadap Perbadanan walau terhadap mana-mana ahli, pegawai, pekhidmat atau ejen Perbadanan berkenaan dengan sebarang perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan oleh Perbadanan atau orang-orang itu atas sifat jawatannya.

Penjawat
Awam.

18. Semua anggota, pegawai dan pekhidmat Perbadanan, semasa melaksanakan fungsi-fungsi mereka sebagai anggota, pegawai dan pekhidmat Perbadanan, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat Awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [Akta 574].

Peraturan-
peraturan
berkenaan
dengan
penggajian.

19. (1) Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan penggajian pegawai dan pekhidmat Perbadanan.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah termasuk peruntukan bagi—

- (a) cara pelantikan, dan terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pekhidmat Perbadanan; dan
- (b) pembayaran ganjaran, pencen, elaun dan saraan atau faedah lain kepada pegawai dan pekhidmat Perbadanan.

20. Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pekhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang itu mengikut Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) (Negeri Melaka) 2001 [*Enakmen No. 4 tahun 2001*].

Pemakaian Enakmen Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Negeri Melaka) 2001.

21. Dalam membuat apa-apa peraturan di bawah Bahagian ini, Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menerima pakai dengan apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan.

Perbadanan boleh menerima pakai peraturan-peraturan. dsb.

22. Perbadanan boleh mengambil kerja dan membayar ejen-ejen dan penasihat teknikal termasuk perunding, peguam bela dan peguam cara, broker saham, juruukur atau penilai atau orang lain untuk menguruskan apa-apa urusan atau untuk membuat apa-apa perbuatan yang dikehendaki dijalankan atau dilakukan dalam melaksanakan fungsi dan kewajipannya dan menjalankan kuasanya atau untuk melaksanakan dengan lebih baik maksud-maksud Enakmen ini.

Kuasa untuk mengambil kerja ejen.

23. (1) Apabila mana-mana harta tak alih di dalam Kawasan Perbadanan Hang Tuah Jaya, yang bukannya tanah Negeri, perlu diperolehi oleh Perbadanan bagi maksud Enakmen ini, harta itu boleh diperolehi mengikut peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di Negeri itu yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi sesuatu maksud awam,

Pengambilan Tanah.

dan apa-apa perisytiharan yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis itu bahawa tanah itu diperlukan sedemikian boleh dibuat walaupun pampasan akan dibayar oleh Perbadanan, dan perisytiharan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia adalah suatu perisytiharan bahawa tanah itu diperlukan bagi sesuatu maksud awam mengikut undang-undang bertulis itu.

(2) Segala perbelanjaan dan pampasan yang kena dibayar bagi pengambilan mana-mana harta tak alih di bawah seksyen ini hendaklah dibayar oleh Perbadanan.

BAHAGIAN V

KUMPULAN WANG PERBADANAN

Penubuhan
Kumpulan
Wang.

24. (1) Bagi maksud-maksud Enakmen ini, Perbadanan hendaklah menubuhkan, mentadbirkan dan mengawal suatu Kumpulan Wang yang hendaklah dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perbadanan Hang Tuah Jaya”.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang itu—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh Perbadanan di bawah seksyen 6;
- (c) tertakluk kepada subseksyen (3), apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa kepada Perbadanan daripada kumpulan wang pinjaman;
- (d) semua wang yang didapati melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang atau penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan oleh Perbadanan;
- (e) semua wang yang didapati atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadaijanji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Perbadanan;

- (f) apa-apa harta, pelaburan, gadaian, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Perbadanan;
- (g) semua derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia; dan
- (h) semua wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya.

(3) Dalam seksyen ini dan seksyen 25, ungkapan “kumpulan wang pinjaman” ertinya apa-apa jumlah wang yang boleh diadakan dari semasa ke semasa bagi Kerajaan sebagai pinjaman.

25. Tertakluk kepada seksyen 26, Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan untuk—

Perbelanjaan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Wang.

- (a) pembayaran apa-apa perbelanjaan yang mungkin dilakukan dengan sah oleh Perbadanan, termasuklah fi dan kos guaman dan kos dan fi yang lain, saraan bagi pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat yang dilantik dan digunakhidmat oleh Perbadanan;
- (b) membayar apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujuterima dengan sepatutnya oleh Perbadanan pada menjalankan kuasa-kuasanya atau melaksanakan fungsi-fungsinya;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 6 dan faedah yang kena dibayar atasnya;
- (d) memberikan pinjaman di bawah seksyen 7;
- (e) tertakluk kepada subseksyen 24(3), bayaran apa-apa caj atas apa-apa amaun yang diperuntukkan kepada Perbadanan daripada kumpulan wang pinjaman;

- (f) pemberian pinjaman kepada pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat Perbadanan bagi maksud-maksud yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
- (g) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

Pengimbangan
akaun hasil.

26. Maka adalah menjadi tugas Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan fungsi-fungsinya untuk memastikan supaya jumlah hasil Perbadanan adalah mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuklah susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Pendepositan
dan
pelaburan
Kumpulan
Wang.

27. Perbadanan boleh—

- (a) dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menempatkan Kumpulan Wang sebagai deposit dengan bank di Malaysia; atau
- (b) dengan kelulusan Menteri Kewangan, dari semasa ke semasa, melaburkan Kumpulan Wang atau mana-mana bahagiannya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk memenuhi obligasi-obligasinya atau menjalankan kuasa-kuasanya atau melaksanakan fungsi-fungsinya, dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada ketika ini dibenarkan untuk pelaburan kumpulan wang amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Perbelanjaan
dan
penyediaan
anggaran.

28. (1) Perbelanjaan Perbadanan hingga sebanyak yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek-projek pembangunan) bagi tahun

yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu Perbadanan amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

29. (1) Perbadanan hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun-akaun yang sempurna dan rekod-rekod lain mengenai perjalanannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan. Akaun dan audit.

(2) Akaun Perbadanan hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh Ketua Juruaudit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Perbadanan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri dan Menteri Kewangan.

(3) Perbadanan hendaklah dalam masa enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap tahun kewangan menyebabkan akaun-akaunnya diaudit dan menghantarkannya kepada Ketua Menteri bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2), mengikut mana yang berkenaan, mengenai akaun-akaun Perbadanan.

(4) Ketua Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap akaun sedemikian berserta dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai penyata atau akaun-akaun Perbadanan dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang.

Surcaj.

30. (1) Sekiranya ternyata kepada Perbadanan bahawa mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Perbadanan—

- (a) telah gagal mengutip apa-apa wang yang terhutang pada Perbadanan yang pemungutan-pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa pembayaran wang daripada Kumpulan Wang yang tidak sepatutnya dibuat atau atas apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, atas apa-apa kekurangan pada, atau atas pemusnahan, apa-apa wang, setem, sekuriti, storan atau harta lain Perbadanan;
- (d) sebagai, atau yang pernah menjadi, pegawai perakaunan gagal atau telah gagal menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) telah gagal membuat apa-apa bayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab atas apa-apa kelambatan dalam pembayaran, wang daripada Kumpulan Wang, kepada mana-mana orang yang kepadanya bayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat di antara orang itu dengan Perbadanan,

Perbadanan hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak sepatutnya disurcajkan, dan jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diberikan, dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebutkan terdahulu, kepada Perbadanan berkenaan dengan kegagalan mengutip, bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, bayaran yang tidak diluluskan dengan sewajarnya, kekurangan atau pemusnahan, atau kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran, maka Perbadanan boleh mensurcajkan sejumlah wang terhadap orang tersebut

yang tidak melebihi apa-apa amaun sedemikian yang tidak dikutip, apa-apa bayaran, kekurangan, atau kerugian atau nilai harta yang musnah, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan berkenaan dengan kegagalan menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya, atau kegagalan membuat bayaran, atau kelambatan dalam membuat bayaran, Perbadanan boleh mensurcaikan apa-apa jumlah wang terhadap orang tersebut sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan itu.

(2) Pengerusi hendaklah menyebabkan Ketua Pegawai Eksekutif diberitahu tentang apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah sesudah itu memberitahu orang yang disurcaikan itu.

(3) Perbadanan boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterma atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Pengerusi hendaklah dengan segera menyebabkan Ketua Pegawai Eksekutif diberitahu tentang penarikan balik itu.

(4) Amaun apa-apa surcaj yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan tidak ditarik balik di bawah subseksyen (3) hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Perbadanan daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat dan boleh didakwa dan didapatkan kembali dalam mana-mana mahkamah atas guaman Perbadanan dan boleh juga didapatkan kembali melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcaikan jika Perbadanan mengarahkan sedemikian; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcaikan jika Perbadanan mengarahkan sedemikian,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

31. Segala wang yang dibayar kepada Perbadanan hendaklah dibayar dengan serta-serta ke dalam suatu akaun dalam mana-mana bank atau bank yang diluluskan oleh Perbadanan.

BAHAGIAN VI

AM

Kuasa Pihak
Berkuasa
Negeri untuk
membuat
peraturan-
peraturan.

32. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh selepas berunding dengan Perbadanan, membuat apa-apa peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi melaksanakan maksud-maksud dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan teratur dan berkesan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan yang disebut terdahulu, peraturan-peraturan sedemikian boleh dibuat—

- (a) bagi mengenakan fi dalam hal-hal yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) bagi atau berkenaan dengan saraan atau elaun-elaun yang kena dibayar kepada mana-mana anggota Perbadanan dan mana-mana anggota mana-mana jawatankuasa;
- (c) bagi menetapkan tanggungjawab, kelakuan dan kawalan atas pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat Perbadanan;
- (d) mengatur pelantikan, tatatertib dan pemecatan pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Perbadanan;
- (e) bagi cara bagaimana dan terma-terma dan syarat-syarat yang diatasnya pinjaman boleh diberikan kepada pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat Perbadanan di bawah perenggan (f) seksyen 25 dan maksud-maksudnya;

- (f) bagi tata tertib pegawai-pegawai dan pekhidmat-pekhidmat Perbadanan yang boleh termasuk—
- (i) peruntukan-peruntukan bagi penahanan kerja dan pengurangan gaji atau saraan lain atau bagi penggantungan kerja tanpa gaji atau saraan lain, seseorang pegawai atau pekhidmat semasa menanti prosiding tata tertib selesai;
 - (ii) pengwujudan apa-apa kesalahan tata tertib dan pengadaaan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan, dan hukuman-hukuman yang diperuntukkan sedemikian boleh meliputi pembuangan kerja atau penurunan pangkat; dan
 - (iii) prosedur bagi prosiding tata tertib, yang hendaklah memberi peluang kepada pegawai atau pekhidmat yang terhadapnya prosiding tata tertib itu diambil untuk membuat representasi sebelum keputusan diambil oleh pihak berkuasa tata tertib atas pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadap pegawai atau pekhidmat itu;
- (g) bagi menetapkan caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan dan bagi kemasukan pelawat ke dalam mana-mana pameran atau aktiviti yang dikelolakan atau diadakan oleh Perbadanan;
- (h) bagi mengawalselia kemasukan ke dalam dan pengeluaran daripada bangunan atau kawasan yang diuruskan atau dikawal oleh Perbadanan;
- (i) bagi menjaga, mengawal dan mengurus tanah dan bangunan-bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah kawalan dan pengurusan Perbadanan;
- (j) bagi menetapkan prosedur kewangan mengenai pentadbiran Kumpulan Wang;

- (k) bagi mengawalselia prosedur untuk memanggil tender dan sebutharga termasuk penubuhan Lembaga Tender Perbadanan; dan
- (l) lain-lain peraturan yang difikirkan wajar dan patut oleh Perbadanan.

Penyata,
laporan,
akaun dan
maklumat.

33. (1) Perbadanan hendaklah memberi Pihak Berkuasa Negeri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti-aktiviti Perbadanan sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan peruntukan-peruntukan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, tidak lewat dari 30 Jun selepas akhir setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Perbadanan sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam bentuk serta hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding-prosiding dan dasar-dasar Perbadanan sebagaimana yang dinyatakan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Kuasa Pihak
Berkuasa
Negeri untuk
memberikan
arahan.

34. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberikan kepada Perbadanan apa-apa arahan yang bersifat am, yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini mengenai pelaksanaan fungsi-fungsi dan penjalanan kuasa-kuasa Perbadanan dan Perbadanan hendaklah melaksanakan arahan-arahan ini.

Salah
menggunakan
maklumat.

35. Mana-mana anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan dan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tidak boleh menggunakan apa-apa maklumat yang diperolehi menurut kuasa kedudukannya sebagai anggota, pegawai atau pekhidmat Perbadanan atau anggota jawatankuasa untuk mendapatkan, secara langsung atau tidak langsung, suatu mana orang lain atau menyebabkan kemudaratan kepada Perbadanan.

36. (1) Apa-apa notis atau perhubungan lain yang dikehendaki diberikan atau disampaikan di bawah Enakmen ini kepada mana-mana orang boleh dihantar melalui pos berdaftar. Penyampaian.

(2) Maka hendaklah disifatkan bahawa notis atau perhubungan sedemikian telah disampaikan pada hari yang berikutan hari notis atau perhubungan itu sepatutnya diterima dalam perjalanan biasa pos.

(3) Jika seseorang yang kepadanya suatu surat berdaftar di bawah subseksyen (1) dialamatkan, diberitahu hakikat tentang adanya surat berdaftar yang menantinya di pejabat pos dan dia enggan atau mengabaikan untuk mengambil surat berdaftar itu, maka notis atau perhubungan itu hendaklah disifatkan telah disampaikan kepadanya pada tarikh yang dia dimaklumkan sedemikian.

37. Jika Perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini— Kesalahan
oleh
Perbadanan.

- (a) mana-mana orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan merupakan pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu, boleh didakwa secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) tiap-tiap pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai yang seumpamanya bagi Perbadanan itu, yang dalam apa-apa cara, melalui perbuatan atau peninggalan secara langsung atau tak langsung, terlibat dengan, atau menjadi pihak dalam, pelakuan kesalahan itu hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu.

Melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya atau bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah atau bahawa dia telah mengambil segala usaha yang wajar bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku.

Indemniti
dan
perlindungan
daripada
guaman dan
prosiding
undang-
undang.

38. Tiada tindakan boleh diambil atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau dibuat terhadap Pihak Berkuasa Negeri, Kerajaan Negeri, Ketua Menteri, Perbadanan, sesuatu jawatankuasa, anggota Perbadanan atau sesuatu jawatankuasa, Ketua Pegawai Eksekutif, pegawai dan pekhidmat Perbadanan atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Pihak Berkuasa Negeri atau Perbadanan di dalam mana-mana mahkamah bagi apa-apa perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan di bawah Enakmen ini—

(a) dengan suci hati;

(b) dengan semunasabahnya mempercayai bahawa perkara itu perlu bagi maksud yang diniatkan untuk dicapai melaluinya; atau

(c) bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

Hak akses.

39. (1) Ketua Pegawai Eksekutif dan semua pegawai dan pekhidmat Perbadanan hendaklah, pada masa setiap yang munasabah, mempunyai akses bebas untuk memasuki semua tanah bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Mana-mana orang yang menghalang, menggalang, menahan, melengah-lengahkan atau mengganggu Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan daripada menjalankan mana-mana kuasanya atau melaksanakan fungsi atau kewajipannya yang sah di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau tidak memberikan bantuan yang semunasabahnya dikehendaki oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana pegawai atau pekhidmat perbadanan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

BAHAGIAN VII

PENGKULUNGAN DAN PEMBUBARAN

40. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan supaya Perbadanan digulungan dan dibubarkan.

Pengkulungan dan pembubaran Perbadanan.

(2) Apabila Perbadanan dibubarkan, aset-aset Perbadanan hendaklah selepas membayar semua liabiliti, dilupuskan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Walau apapun yang terkandung dalam Enakmen ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya, daripada tarikh penyiaran perintah di bawah subseksyen (1) apa-apa hak atau keistimewaan mana-mana ahli, pegawai atau pekhidmat Perbadanan hendaklah disifatkan ditamatkan dengan sah.

JADUAL

(Subseksyen 4(3))

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara yang melantiknya, seseorang anggota Perbadanan selain yang disebut dalam perenggan 4(1), (c) dan (d) dan mana-mana anggota yang dilantik menurut kuasa jawatannya, hendaklah melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun dan layak untuk dilantik semula.

Terma dan syarat pelantikan, pembatalan dan perletakan jawatan.

(2) Pelantikan mana-mana anggota boleh, pada bila-bila masa dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(3) Seseorang anggota boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya melalui surat yang dialamatkan kepada Pihak Berkuasa Negeri atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Seseorang anggota hendaklah menumpukan apa-apa masa kepada urusan Perbadanan sebagaimana yang perlu bagi menjalankan kewajipan-kewajipannya.

Jawatan disifatkan sebagai dikosongkan.

2. (1) Jawatan seseorang anggota Perbadanan hendaklah dikosongkan—

- (a) apabila dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atau suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) sesuatu kesalahan mengenai penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) sesuatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum pemenjaraan (sama ada hanya pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada 2 tahun;
- (c) jika dia menjadi bankrap;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau dengan cara lain tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipannya;
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis oleh Perbadanan;
- (f) jika sekiranya perletakan jawatannya disetuju terima; atau
- (g) jika perlantikannya dibatalkan.

(2) Jika seseorang anggota berhenti daripada menjadi seorang anggota oleh sebab mana-mana peruntukan Enakmen ini, seseorang lain hendaklah dilantik bagi menggantikannya bagi baki tempoh anggota yang digantikannya itu.

Saraan dan elaun.

3. Anggota-anggota Perbadanan boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Perbadanan selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri.

Mesyuarat.

4. (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali dalam setiap tahun pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

(2) Kuorum pada semua mesyuarat Perbadanan hendaklah sekurang-kurangnya separuh daripada anggotanya dengan sekurang-kurangnya seorang anggota yang mewakili Kerajaan Persekutuan hadir kecuali kuorum hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya dua pertiga dengan sekurang-kurangnya seorang anggota yang mewakili Kerajaan Persekutuan hadir jika mesyuarat itu menimbang teliti atau memutuskan mengenai perkara-perkara yang disebut dalam seksyen 6, 7, 8 dan perenggan 27(b).

(3) Dalam semua mesyuarat Perbadanan sekiranya Pengerusi tidak hadir, Timbalan Pengerusi atau jika sekiranya Timbalan Pengerusi tidak hadir, mana-mana anggota sebagaimana yang dipilih oleh anggota-anggota yang hadir hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Perbadanan bilangan undi didapati sama banyaknya Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

(5) Tertakluk kepada subperenggan-subperenggan (1), (2), (3) dan (4), Perbadanan hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

5. (1) Perbadanan boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan bagi maksud menasihatnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

Perbadanan boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa elaun atau belanja lain yang ditentukan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

Kuorum.

6. (1) Perbadanan hendaklah mempunyai suatu meterai yang mengandungi sesuatu tanda yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

Meterai.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan suatu cap mengandungi perkataan “Perbadanan Hang Tuah Jaya” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai suatu meterai Perbadanan.

(3) Meterai atau cap yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah disimpan dalam jagaan Ketua Pegawai Eksekutif atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Perbadanan, dan hendaklah disahkan oleh sama ada Pengerusi atau mana-mana orang yang diberi kuasa itu atau oleh seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh salah seorang daripada mereka dengan bertulis; dan segala surat ikatan, dokumen dan surat cara yang lain yang berupa sebagai dimeterikan dengan meterai yang tersebut, disahkan seperti disebut terdahulu, hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnyanya sehingga dibuktikan sebaliknya:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen atau surat cara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan sesuatu pertubuhan perbadanan tidak akan dikehendaki dimeteraikan boleh dengan cara yang demikian disempurnakan oleh Perbadanan dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat Perbadanan yang dibenarkan secara am atau khas oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(4) Meterai Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Penzahiran
kepentingan.

7. (1) Seseorang anggota Perbadanan yang mempunyai atau yang memperoleh kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Perbadanan yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

- (a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Perbadanan; dan
- (b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Perbadanan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Bagi maksud perenggan ini—

- (a) “anggota keluarga”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan, termasuklah—
 - (i) suami atau isterinya;
 - (ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
 - (iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
 - (iv) adik beradiknya (termasuk adik beradiknya suami atau isterinya);
 - (v) suami atau isteri anaknya atau adik beradiknya; dan
- (b) “sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan, ertinya—
 - (i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pekerja anggota itu;
 - (ii) mana-mana firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
 - (iii) pekongsi anggota itu;
 - (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang dibawahnya anggota itu atau seseorang anggota keluarganya menjadi benefisiarinya; atau
 - (v) mana-mana perbadanan mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya menjadi pengarahnya atau mempunyai kepentingan kawalan atau syer yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan perbadanan itu.

(4) Subperenggan (1), (2) dan (3) adalah tidak terpakai sekiranya mana-mana anggota Perbadanan telah dinamakan oleh Perbadanan sebagai wakilnya dalam sesuatu syarikat atau badan yang syarikat atau badan itu semasa ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya berada di bawah kawalan Perbadanan.

8. (1) Perbadanan hendaklah menyebabkan minit bagi semua mesyuarat Perbadanan disenggarakan dan disimpan dalam suatu bentuk yang sepatutnya.

Minit Mesyuarat.

(2) Apa-apa minit yang dibuat bagi mesyuarat-mesyuarat Perbadanan boleh, jika ditandatangani dengan sempurna, diterima sebagai keterangan dalam semua perbicaraan di sisi undang-undang tanpa bukti selanjutnya dan tiap-tiap mesyuarat Perbadanan yang minit mengenai penjalanannya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan sebagai telah dipanggil dan diadakan dengan sempurna dan semua anggota dalamnya adalah layak dengan sempurna untuk bertindak.

9. Tiada apa-apa jua perbuatan yang dilakukan atau apa-apa prosiding yang diambil di bawah Enakmen ini boleh dipersoal atas alasan—

Sahnya perbuatan dalam prosiding.

- (a) apa-apa kekosongan dalam keanggotaan atau apa-apa kecacatan dalam penubuhan Perbadanan;
- (b) pelanggaran oleh mana-mana anggota Perbadanan berhubung dengan penzahiran kepentingan oleh Perbadanan itu atau;
- (c) apa-apa ketinggalan, kecacatan atau luar aturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri yang bersidang pada 29 Mac 2005.

[PUN(M)353/46/77]

MOHD ZIN BIN MANSOR,
*Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Melaka*

HANG TUAH JAYA CORPORATION ENACTMENT 2005

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE CORPORATION

3. Establishment of the Hang Tuah Jaya Corporation.
4. Members of the Corporation.

PART III

FUNCTIONS AND POWERS OF THE CORPORATION

5. Powers and functions of the Corporation.
6. Power to borrow.
7. Power to grant loans.
8. Power to establish companies.
9. Power to appoint committees.
10. Power of Corporation to delegate.
11. Power of Chairman to delegate.

PART IV

CHIEF EXECUTIVE OFFICER AND OFFICERS OF THE CORPORATION

12. Appointment of Chief Executive Officer.
13. Duties of the Chief Executive Officer.
14. Appointment of officers and servants of the Corporation.

Section

15. Discipline of officers and servants of the Corporation.
16. Disciplinary Appeal Board.
17. Public Authorities Protection Act 1948.
18. Public Servant.
19. Regulations with respect to employment.
20. Application of the Statutory Bodies (Discipline and Surcharge) (State of Malacca) Enactment 2001.
21. Corporation may adopt regulations, *etc.*
22. Power to employ agents.
23. Acquisition of land.

PART V

CORPORATION FUND

24. Establishment of Fund.
25. Expenses to be charged on the Fund.
26. Balancing of revenue account.
27. Deposit and investment of the Fund.
28. Expenditure and preparation of estimates.
29. Account and audit.
30. Surcharge.
31. Bank account.

PART VI

GENERAL

32. Power of State Authority to make regulations.
33. Returns, reports, accounts and information.
34. Power of State Authority to give directions.
35. Improper use of information.
36. Service.
37. Offences by Corporation.
38. Indemnity and protection against suit and legal proceedings.
39. Right to access.

PART VII

WINDING-UP AND DISSOLUTION

Section

40. Winding-up and dissolution of the Corporation.

SCHEDULE

MALACCA

ENACTMENT No. 2 of 2005

I ASSENT,

(STATE
SEAL,
State of
Malacca)

TUN DATUK SERI UTAMA
MOHD. KHALIL BIN YAAKOB,
Yang di-Pertua Negeri,
State of Malacca

20 April 2005

An Enactment to establish the Hang Tuah Jaya Corporation
and to provide for matters connected therewith and
incidental thereto.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the
State of Malacca as follows:

PART I

PRELIMINARY

1. (1) This Enactment may be cited as the Hang Tuah
Jaya Corporation Enactment 2005.

Short title
and com-
mencement.

(2) This Enactment shall come into operation on a
date to be appointed by the State Authority by notification
in the *Gazette*.

Interpretation.

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—

“members” means the members appointed under subsection 4(1);

“Enactment” means the Hang Tuah Jaya Corporation Enactment 2005;

“Corporation Area” means the area as determined by the State Authority pursuant to subsection 3(3);

“Government” means the Government of Malaysia or State Government of Malacca;

“Fund” means the Hang Tuah Jaya Corporation Fund established under section 24;

“Chief Executive Officer” means the Chief Executive Officer of the Corporation appointed under section 12;

“Minister” means the Prime Minister or such Minister as may be designated by him;

“Chairman” means the Chairman of the Corporation appointed under paragraph 4(1)(a);

“Corporation” means Hang Tuah Jaya Corporation;

“State Authority” means the State Executive Council of Malacca;

“company” means any company established under the Companies Act 1965.

PART II

ESTABLISHMENT OF THE CORPORATION

Establishment
of the Hang
Tuah Jaya
Corporation.

3. (1) There is hereby established a body corporate by the name “Hang Tuah Jaya Corporation” with perpetual succession and a common seal and may sue and be sued in its corporate name and subject to and for the purpose of this Enactment, may enter into contracts and acquire, purchase, take, hold, sell, and enjoy movable and

immovable property of every description and may convey, assign, surrender, yield up, charge, mortgage, demise, reassign, transfer or otherwise dispose of, or deal with, any movable or immovable property or any interest therein vested in the Corporation upon such terms as it deems fit.

(2) The objective of the Corporation is to administer and manage the development of the Hang Tuah Jaya Corporation Area on behalf of the State Government.

(3) The State Authority shall determine the Corporation Area by notification in the *Gazette*.

4. (1) The Corporation shall consist of the following members: Members of the Corporation.

- (a) a Chairman, who shall be a person for the time being holding the office of Chief Minister, Malacca or any person to be appointed by the State Authority;
- (b) The Deputy Chairman, appointed by the State Authority;
- (c) three *ex-officio* members who are persons presently holding the positions of State Secretary, State Legal Adviser and State Financial Officer;
- (d) three representatives of the Federal Government to be appointed by the Minister;
- (e) three other members to be appointed by the State Authority; and
- (f) Chief Executive Officer of the Corporation as Secretary.

(2) If the Chairman is temporarily absent or temporarily incapacitated through illness or for any other sufficient reason from the performance of his functions and duties, the Deputy Chairman shall perform his functions and duties during such absence or incapacity, and the Deputy Chairman shall, during the period in which he is performing the functions and duties of the Chairman under this subsection, be deemed to be the Chairman.

(3) The provisions of the Schedule shall apply to the Corporation and its members.

PART III

FUNCTIONS AND POWERS OF THE CORPORATION

Powers and
functions
of the
Corporation.

5. (1) Subject to any written laws, the Corporation shall have functions as follows:

- (a) to promote, stimulate, facilitate and undertake economic and social development in the Corporation Area;
- (b) to promote, stimulate, facilitate and undertake commercial, industrial and infrastructure development as well as residential development in the Corporation Area; and
- (c) to control and coordinate the performance in the Corporation Area of the activities mentioned in paragraphs (a) and (b).

(2) The Corporation shall have power to do all matters expedient or reasonably necessary for, or incidental to, the performance of its functions and, in particular, but without prejudice to generality of the foregoing—

- (a) to carry on all activities, particularly which are industrial and commercial in nature the carrying on whereof appears to it to be requisite, advantageous or convenient for or in connection with the performance of its functions;
- (b) to initiate preliminary studies of possible development and redevelopment areas and make preliminary plans outlining development or redevelopment activities and preliminary surveys to determine if the undertaking and carrying out of development or redevelopment projects are feasible;
- (c) to coordinate with or act as agent or managing agent of or otherwise at in association with or on behalf of the State Government or any public authority, any company or corporation, or any other body or person;

- (d) to promote the carrying on of such activities by the State Government or any public authority, any company or corporation, or any other body or person;
- (e) to adopt and implement policies issued by the Federal Government;
- (f) to protect the interest of the State in respect of managing the development in the Corporation Area;
- (g) to acquire by purchase, gift or otherwise movable and immovable property and any interest therein, with prior written consent of the Minister of Finance, dispose of or otherwise deal in any movable or immovable properties or any interest therein so acquired by the Corporation;
- (h) to erect any building on any immovable property of the Corporation and lay out and prepare such property to exercise the functions of the Corporation or other amenities or conveniences in connection therewith as the Corporation deems fit;
- (i) to carry on licensed businesses;
- (j) with the consent of the State Authority to use or permit the use of the property of the Corporation for such purposes in addition to those hereinafter referred to as it may determine; and
- (k) to do such other things as it deems fit to enable it to carry out its functions and powers effectively.

6. The Corporation may, from time to time, borrow at such rate of interest and for such period and upon such terms as to the time and method of repayment and otherwise as the State Authority and with prior written consent of the Minister of Finance, may approve, any sums required by the Corporation for meeting any of its obligations or discharging any of its functions or exercising any of its powers. Power to borrow.

Power to
grant loans.

7. In the discharge of its functions and the exercise of its powers, the Corporation may grant loans for such purposes as approved by the State Authority and with prior written consent of the Minister of Finance and such loans may be granted subject to such terms and conditions as the Corporation may, with the approval of State Authority, deems fit to impose in particular cases.

Power to
establish
companies.

8. The Corporation may, from time to time, with the approval of the State Authority and with prior written consent of the Minister of Finance, establish companies by such name as the Corporation may determine to carry out and have the charge, conduct and management on behalf of the Corporation of any project, scheme or enterprise determined by the Corporation in the discharge of its functions and the exercise of its powers.

Power to
appoint
committees.

9. (1) The Corporation may appoint committees for any purpose arising out of or connected with any of its functions and powers; any committee so appointed shall include at least one member of the Corporation and there may be appointed to such committee such other persons as the Corporation thinks fit.

(2) The Committee so appointed shall regulate its own procedure.

(3) Any committee so appointed shall conform to any instructions from time to time given to it by the Corporation and the Corporation may at any time discontinue or alter the constitution of any committee so appointed.

(4) The committee may invite any person who, in its opinion, is possessed of special knowledge of advantage to it, to attend any meeting of the committee and the person so invited shall not be entitled to vote at any such meeting.

(5) The committee shall report its recommendations to the Corporation.

10. (1) The Corporation may, subject to such terms and conditions, limitations or restrictions, as it thinks fit to impose, delegate to any committee, or to the Chairman, or to the Chief Executive Officer, or to any other person, the power and authority to exercise or perform on its behalf such powers or functions vested in or imposed on the Corporation under this Enactment as the Corporation may determine, except the power to borrow money or make regulations; and any power or function so delegated may be exercised or performed by such committee, or the Chairman, or the Chief Executive Officer or any other person, as the case may be, in the name and on behalf of the Corporation.

Power of Corporation to delegate.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1) and to the other provisions of this Enactment, the Corporation may delegate to either the Chairman or to the Chief Executive Officer authority to sanction expenditure from the fund or any other moneys vested in and under the control of the Corporation up to such limit as the Corporation shall specify.

11. (1) Subject to the provisions of this Enactment and of any regulations made thereunder, the Chairman may in writing delegate to any member of the Corporation or to the Chief Executive Officer the power and authority to carry out on his behalf his duties, powers or functions as he may determine.

Power of Chairman to delegate.

(2) The Chairman may at the time of delegating any power or authority under subsection (1) or at any time thereafter give directions as to the manner in which such delegate power or authority is to be exercised and may at any time revoke or modify such delegation.

PART IV

CHIEF EXECUTIVE OFFICER AND OFFICERS
OF THE CORPORATION

Appointment
of Chief
Executive
Officer.

12. (1) The Corporation may, with the prior approval of the State Authority, appoint a Chief Executive Officer of the Corporation and vest him with such powers and impose upon him such duties as may be determined or delegated to him by the Corporation.

(2) The appointment of the Chief Executive Officer shall be on such terms and conditions as the Corporation may with the approval of the State Authority, determine.

Duties of the
Chief
Executive
Officer.

13. (1) The Chief Executive Officer shall be responsible for—

- (a) the preparation of programmes, schemes and projects for the consideration of the Corporation;
- (b) the execution of all programmes, schemes and projects of the Corporation;
- (c) keeping the Corporation fully informed of the progress of its programmes, schemes and projects;
- (d) the issue of policy guidance or elucidation of decisions of the Corporation to officers and servants of the Corporation;
- (e) the carrying out of the decisions of the Corporation and directions of the Chairman;
- (f) the supervision and control over the implementation of the decisions of the Corporation;
- (g) the planning of all activities related to the functions of the Corporation;
- (h) the maintenance of buildings and other structures or properties belonging to the Corporation; and

- (i) the proper administration and management of the functions and affairs of the Corporation in accordance with the policy laid down by the Corporation.

(2) The Chief Executive Officer shall have general control of the other officers and servants of the Corporation.

(3) The Chief Executive Officer shall perform such further duties as the Corporation may from time to time direct.

